

AKTA MAKANAN 1983
PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) 2009**.
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2009.

Pindaan peraturan 63

2. Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [*P.U. (A) 437/85*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam subperaturan 63(3), dengan memasukkan selepas perkataan “dan” perkataan “transglutaminase,”.

Pindaan peraturan 65

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 65(2)(b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) kondisioner makanan yang dibenarkan termasuk-

- (i) ammonium chloride, tidak melebihi 2,500 mg/kg tepung gandum atau mil yang digunakan;
- (ii) garam kalsium dan natrium asid lemak lactytates dan fumarates; dan
- (iii) transglutaminase”.

Pindaan peraturan 106

4. Peraturan 106 Peraturan-Peraturan ibu dipinda-

(a) dalam perenggan 106(3)(a), dengan memotong perkataan ”dan” di hujung perenggan itu;

(b) dalam perenggan 106(3)(b), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan ”; dan”; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan 106(3)(b) perenggan yang berikut:

“(c) boleh mengandungi transglutaminase sebagai kondisioner makanan yang dibenarkan.”.

Pindaan peraturan 146

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam subperaturan 146(2) dengan menggantikan perkataan ”dan natrium isoaskorbat” dengan perkataan ”, natrium isaskorbat dan transglutaminase”.

Pindaan peraturan 147

6. Peraturan 147 Peraturan-Peraturan ibu dipinda-

(a) dalam subperenggan 147(7)(e)(iii), dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan koma bernoktah; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperenggan 147(7)(e)(iii), subperenggan yang berikut:

“(iv) transglutaminase.”.

Pindaan peraturan 394

7. Peraturan 394 Peraturan-Peraturan ibu dipinda-

(a) dalam nota birai dengan memotong perkataan “, ais”;

(b) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “Ais dan stim”, dengan perkataan “Stim”; dan

(c) dalam subperaturan (4) dan (5), dengan memotong perkataan “, ais” di mana-mana jua terdapat.

Peraturan baru 394A

8. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 394 peraturan yang berikut:

“Standard bagi ais yang selamat digunakan

394A. (1) Ais hendaklah hasil yang diperoleh daripada air yang mematuhi standard yang ditetapkan dalam peraturan 394.

(2) Tiada seorang pun boleh menggunakan, menyebabkan atau membenarkan supaya digunakan, apa-apa ais dalam penyediaan atau pengilangan apa-apa makanan untuk jualan, melainkan jika ais itu mematuhi syarat yang dinyatakan dalam peraturan ini.

(3) Tiada seorang pun boleh menyebabkan atau membenarkan apa-apa ais bersentuh dengan sesuatu makanan untuk jualan, dalam masa penyediaan, penstoran, penghantarserahannya atau pendedahannya untuk jualan, melainkan jika ais itu mematuhi syarat yang dinyatakan dalam peraturan ini.

(4) Tiada seorang pun boleh menyediakan ais dari mana-mana sumber bagi maksud perdagangan atau perniagaan melainkan jika lesen yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Puluh Sembilan telah diberikan oleh Pengarah.

(5) Sesuatu permohonan untuk lesen di bawah subperaturan (4) hendaklah dibuat kepada Pengarah mengikut bentuk dan cara dan disertai dengan maklumat dan butiran, yang dinyatakan oleh Pengarah, bersama dengan fee memproses sebanyak tiga puluh ringgit yang tidak boleh dibayar balik.

(6) Dalam meluluskan sesuatu permohonan di bawah subperaturan (4) Pengarah boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkan patut berkaitan dengan punca, penyahstrakan dan pengumpulan, penyediaan, pemprosesan,

pembungkusan, pengendalian dan pengangkutan ais dan pengawasan yang seterusnya.

(7) Fee untuk lesen yang dikeluarkan di bawah subperaturan (4) ialah lima puluh ringgit dan hendaklah diperbaharui setiap tahun.”

(8) Pengarah boleh pada bila-bila masa dan tanpa memberi apa-apa sebab menggantung atau membatalkan mana-mana lesen yang dikeluarkan atau meminda syarat-syarat yang baginya lesen itu tertakluk.

Pindaan Jadual Kesebelas

9. Jadual Kesebelas Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Daftar II-

(a) dalam ruang (2) bagi butiran “Roti”, dengan memasukkan selepas butir “acid lactylates and fumarates” butir “transglutaminase”;

(b) dengan memasukkan selepas butiran “Roti” dan butir-butir yang berhubung dengannya butiran dan butir-butir yang berikut:

(1)	(2)
<i>Makanan</i>	<i>Kondisioner Makanan</i>
“Keju, keju proses	transglutaminase”

(c) dengan memasukkan selepas butiran “Sediaan pewarna (dalam bentuk cecair)” dan butir-butir yang berhubung dengannya, butiran dan butir-butir yang berikut:

(1)

Makanan

“Susu kultur dan susu
yang ditapaikan

(2)

Kondisioner Makanan

transglutaminase”

- (d) dengan memasukkan selepas butiran “Minuman jus buah” dan butir-butir yang berhubung dengannya, butiran dan butir-butir berikut:

(1)

Makanan

“Aiskrim

(2)

Kondisioner Makanan

transglutaminase”

- (e) dalam ruang (2) bagi butiran “Pes daging dan daging kilang” dengan memasukkan selepas butir “natrium isaskorbat” butir “transglutaminase”;
- (f) dalam ruang (2) bagi butiran “Pasta” dengan memasukkan selepas butir “sodium silicate” butir-butir “sulfur dioksida, sulfit, transglutiminase”; dan
- (g) dengan memasukkan selepas butiran “Pasta” dan butir-butir yang berhubung dengannya, butiran dan butir-butir yang berikut:

(1)

Makanan

“Ikan tersedia, bebola ikan
atau kek ikan

(2)

Kondisioner Makanan

transglutaminase”

Jadual baru Kedua Puluh Sembilan

10. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Kedua Puluh Lapan jadual yang berikut:

“JADUAL KEDUA PULUH SEMBILAN

(Peraturan 394A)

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN 1985

No. Lesen

**LESEN UNTUK PENYEDIAAN AIS BAGI MAKSUD PERDAGANGAN ATAU
PERNIAGAAN**

Lesen ini diberikan kepada.....

yang alamat perniagaannya ialah

.....

untuk penyediaan ais bagi maksud perdagangan atau perniagaan.

Lesen ini adalah tertakluk kepada syarat yang boleh dikenakan di bawah
peraturan 394A.

Tarikh:

.....
Pengarah Perkhidmatan Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dibuat _____ 2009
[KKM-163/S/6; PN (PU2) 418/XI]

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
Menteri Kesihatan